



**JADUAL IMAM/BILAL BERTUGAS PADA 30/1/2009**

TUAN HAJI MOHAMMAD BIN HASHIM - IMAM BESAR

USTAZ MOHD AL HAFIZ BIN ASARI - BILAL

**(Tajuk Khutbah : Riba Punca Kemelesetan  
Ekonomi Dunia**

**JADUAL SOLAT HARI INI**

SUBUH	SYURUK	ZOHOR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK	IMSAK
6.05	7.24	1.27	4.48	7.26	8.38	5.55

No. Tel : 06-284 1142 Faks : 06-286 0435 Website : www.al-azim.com Email : maazim@streamyx.com

**Bil. 5/2009**

**Tarikh: 30 Januari 2009 / 3 Safar 1430H**

**PERCUMA**

*Tazkirah*

## **KEDUDUKAN SENAMAN YOGA DI KALANGAN UMAT ISLAM**

*Sambungan dari minggu lepas*

Maksudnya: "Hukum syara' bagi melakukan senaman ini boleh disimpulkan seperti berikut: Sesiapa yang mengamalkan yoga dan mempercayai yoga sebagai satu kepercayaan yang meningkatkan kerohanian dan diri, menyerupai aqidah agama Hindu, maka mengamalkannya adalah haram. Manakala sesiapa yang melakukan senaman yoga sebagai satu jenis senaman semata-mata yang tiada kaitannya dengan aqidah, maka hukumnya ialah harus berasaskan kepada asal yang telah diletakkan oleh jumhur fuqaha': Bahawa asal setiap sesuatu itu harus sehingga terdapat nas yang mengharam, diiringi pula dengan niat seseorang yang melakukannya, sebagaimana yang berlaku ke atasnya. kebanyakan hukum berdasarkan sabda Rasulullah S.A.W., "Bahawasanya setiap amalan itu dengan niat, dan setiap orang berdasarkan apa yang diniatkannya".

Sebagaimana Islam mendapati banyak amalan tradisi kemasyarakatan seperti perkahwinan dengan pelbagai jenis. Lalu Islam membatalkan kesemuanya dan mengekalkan apa yang dimaklumi oleh ramai hingga ke hari ini iaitu (kebiasaan) seorang lelaki menuntut anak gadis daripada bapanya dan lain-lain bentuk tradisi kemasyarakatan dalam perkahwinan yang telah dikekalkan oleh Islam. Berdasarkan apa yang diterangkan sebelum ini, tidak mungkin dihukumkan haram ke atas pengamalan yoga, sekiranya yoga itu hanya senaman secara jasmani semata-mata, yang tiada kaitannya dengan

aqidah".

**c) Pandangan Fatwa Islamweb.net**

Maksudnya: "Yoga bukanlah hanya senaman badan semata-mata tetapi ianya ialah ibadah yang dihadapkan oleh pelakunya kepada matahari selain daripada Allah S.W.T. Ianya tersebar ke seluruh India sejak zaman dahulu. Nama asal bagi senaman ini dalam bahasa Sanskrit (sastanja surya nama sakar). Bermaksud sujud kepada matahari dengan lapan titik di tubuh. Bermula latihan-latihan yoga dengan kedudukan pertama yang menggambarkan penghormatan kepada yang disembah iaitu matahari. Latihan-latihan ini semestinya diiringi dengan sejumlah daripada lafaz-lafaz yang dengan jelas menyebut tentang penyembahan matahari dan menghadap ke arahnya. Dan sekiranya ditanya: Adakah harus beramal dengan latihan-latihan ini tanpa menghadap ke arah matahari dan melafazkan ucapan-ucapan yang disebutkan (mantera)?

Jawapannya: Bahawa sekiranya latihan-latihan ini terlepas daripada kalimah-kalimah keberhalaan dan menghadap ke arah matahari serta tunduk dan hormat kepadanya, ianya tidak dinamakan yoga. Sebaliknya ia adalah senaman mudah yang dilakukan oleh kesemua bangsa, maka tiada larangan untuk melakukannya ketika itu, di samping memelihara dua perkara berikut:

a) Menyalahi susunan posisi-posisi yang disebutkan dalam yoga serta memasukkan sesetengah posisi-posisi



## HIMPUNAN KISAH TELADAN PARA NABI & RASUL UNTUK PUTERA-PUTERI MUSLIM



*Sambungan dari minggu lepas*

### 3. Jalut dan Nabi Daud a.s.

Jalut adalah pemimpin orang-orang yang gagah perkasa itu. Dia sangat kuat, kejam dan ditakuti semua orang. Tatkala maju dalam medan perang dan menentang tentara Thalut, tidak ada seorang pun yang berani melawannya. Pada waktu itu, Daud masih kecil yang biasa menggembala kambing. Dia ikut tentera Thalut atas perintah orang tuanya untuk menyaksikan tiga saudaranya yang ikut berperang.

Atas takdir Allah S.W.T. Nabi Daud terdorong untuk melawan Jalut. Dia meminta izin kepada panglima

perang, Thalut. Namun Thalut mengejeknya kerana dia masih kecil. Daud tidak puas dengan penolakan itu. Dia terus meminta agar diizinkan melawan Jalut. Kerana terus menekan, Nabi Daud diizinkan melawan Jalut. Dalam menghadapi Jalut, Daud hanya bersenjatakan beberapa batu dan alat pelemparnya.

Daud tidak takut dan tidak gentar kerana dia percaya diri dengan bantuan Allah S.W.T. dan bertawakal kepadanya. Pertama kalinya, dia melemparkan batunya menuju ke arah Jalut. Lemparan batu itu tepat mengenai sasaran, iaitu di dahi antara kedua matanya. Lalu di-

*Bersambung di m/s 3 > > >*

< < *sambungan dari m/s 1*

yang baru ke atasnya bagi mengelakkan unsur penyerupaan.

b) Tidak melakukannya pada waktu yang digalakkan oleh agama Hindu melakukannya seperti pada waktu terbit matahari".

### 3. KEPUTUSAN PANEL KAJIAN AQIDAH (PKA), JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM)

Kertas berkenaan yoga telah dibentangkan di dalam mesyuarat PKA sebanyak tiga kali oleh **Y. Bhg. Prof. Dr. Abdulfatah Haron Ibrahim** dan Urus Setia JAKIM. Kali pertama ia dibentangkan pada mesyuarat PKA kali ke-31 bertarikh 20 Disember 2005, kali kedua pada mesyuarat PKA kali ke-35 bertarikh 19 Jun 2007 dan kali ketiga pada mesyuarat PKA kali ke-37 bertarikh 13-15 Mei 2008. Kesemua mesyuarat memutuskan bahawa:

**Amalan yoga adalah bercanggah dengan Islam dan secara tidak langsung mempromosikan ajaran Hindu. Mesyuarat PKA kali ke-31 juga antara lain mengesyorkan supaya senaman lain seperti taichi boleh dijadikan sebagai senaman alternatif kepada yoga kerana ianya tidak mempunyai falsafah tertentu di sebaliknya.**

### 4. KEPUTUSAN MUZAKARAH JAWATAN-KUASA FATWA MAJLIS KEBANGSAAN BAGI HAL EHWAL UGAMA ISLAM MALAYSIA

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-83 pada 22 hingga 24 Oktober 2008 telah memutuskan seperti berikut:

a) Setelah meneliti **keterangan, hujah-hujah dan pandangan** yang dikemukakan, Muzakarah **berpandangan bahawa senaman yoga yang berasal daripada masyarakat Hindu sejak sebelum Masihi lagi menggabungkan amalan fizikal, unsur-unsur keagamaan dan pemujaan bagi tujuan tertentu adalah tidak sesuai dan boleh merosakkan akidah umat Islam.**

b) Oleh itu, Muzakarah **bersetuju memutuskan bahawa apa jua jenis atau bentuk senaman yang mengandungi unsur-unsur tersebut di atas adalah dilarang dan bertentangan dengan syariat Islam".**

### 5. Syor

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa dengan ini dipohon agar dapat membincang dan memutuskan cadangan pewartaan fatwa kedudukan senaman yoga dikalangan umat Islam.

*Bersambung di minggu hadapan*

susul lemparan kedua dan ketiga sampai Jalut jatuh tersungkur ke bumi. Seketika itu Jalut tidak bergerak sama sekali. Tentera Thalut sangat gembira dengan kemenangan ini. Sedangkan tentera Jalut lari lintang-pukang dari medan perang.

Nabi Daud mendapat nama baik di mata Thalut dan kebanyakan orang. Oleh sebab itu, Thalut menikahkan Nabi Daud dengan salah seorang puterinya. Nabi Daud dilantik sebagai panglima perang. Nabi Daud memimpin berbagai perang dan dia selalu dapat mengalahkan musuh. Kekuasaan, kekayaan dan kekuatan tidak menjadikan Nabi Daud lupa terhadap Tuhannya.

Waktu yang paling dia tenang adalah ketika dia menyendiri di gunung mengagungkan Allah S.W.T. dan menyucikan-Nya. Dia diberi suara yang sangat merdu. Setiap kali melantunkan pujian-pujian kepada Allah S.W.T. gunung-gunung dan jurang-jurang bersahutan mengikut lantunan suaranya. Haiwan-haiwan dan burung-burung juga ikut mendekat memuji keagungan Allah S.W.T.

#### 4. Thalut Dengki Kepada Nabi Daud

Oleh kerana nama harum yang diperoleh Nabi Daud, Thalut menjadi iri hati dan dengki kepadanya. Hubungan di antara kedua-duanya menjadi buruk. Oleh kerana itu, Nabi Daud memisahkan diri dari Thalut dan meninggalkannya ke tempat yang jauh. Dalam perjalanan, Nabi Daud diekori ramai orang. Masih tidak puas dengan itu, Thalut mengerahkan tenteranya untuk menyerang Nabi Daud dan membunuhnya.

Akan tetapi, di sebuah tempat Thalut tertidur. Nabi Daud dan tenteranya mengerumuni Thalut. Mereka menjauhkan semua penjaga Thalut. Kemudian Nabi Daud memotong sebahagian baju Thalut. Thalut terbangun dan terkejut.

Nabi Daud berkata kepadanya: "Seandainya aku ingin membunuh kamu, aku mampu melakukannya, tetapi aku tidak mahu mengingkari janji dan menipu." Thalut meminta maaf dan kembali ke Baitul Maqdis setelah berdamai dengan Nabi Daud.

#### 5. Thalut Terbunuh

Dalam salah satu peperangan melawan musuh-musuh Bani Israel yang gagah perkasa, Thalut mati ter-

# Belajar Bahasa Arab

Bersama : Ustaz Haji Fazly bin Haji Yaacob

## Pelajaran Tiga Ratus Sembilan Puluh Tiga

هَيَّا نَلْعَبْ

### MARI KITA BERMAIN

سهيب : الْيَوْمَ سَأَذْهَبُ إِلَى أَسْتَادِ هَعَجَبْتِ.

Suhaib: Hari ini, saya akan pergi ke Stadium Hang Jebat.

حليمة : مَاذَا يُوجَدُ هُنَاكَ؟

Halimah: Apa yang terdapat di sana?

سهيب : أُرِيدُ أَنْ أَشَاهِدَ مَهْرَجَانَ الرِّيَاضِيَّاتِ.

Suhaib: Saya ingin menyaksikan kejohanan sukan.

مروان : مِنَ الْمَفْرُوضِ، هُنَاكَ كَثِيرٌ مِنَ الرِّيَاضِيِّونَ يَجْتَمِعُونَ فِي

الْمَهْرَجَانِ!

Marwan: Tidak dapat tidak, di sana terdapat ramai ahli sukan berkumpul dalam kejohanan itu!

سهيب : نَعَمْ، هُمْ سَيَتَنَافَسُونَ فِي عِدَّةِ أَنْوَاعِ الرِّيَاضِيَّاتِ.

Shuaib: Ya, mereka akan bertarung dalam pelbagai jenis sukan

المُعْجَمُ : **Kamus**

المَهْرَجَانُ : Kejohanan, pesta

الْأَسْتَادُ : Stadium

سَيَتَنَافَسُونَ : mereka berlumba, bertarung

الرِّيَاضِيُّونَ : Ahli-ahli sukan

## SIDANG REDAKSI

### PENGERUSI

Y.A.B. Datuk Seri Hj. Mohd. Ali Bin Mohd. Rustam  
(Ketua Menteri Melaka)

### PENAUNG

Y.B Tuan Hj. Ghazale Bin Muhamad  
(Timbalan Pengerusi MAIM)

### PENASIHAT

Y. Bhg. Datuk Alias Bin Mad Saad  
(Pengarah JAIM)

### KETUA PENGARANG

Al-Fadil Tn. Hj. Mohammad  
Bin Hashim Al-Hafiz  
(Imam Besar Masjid Negeri Melaka)

### EDITOR

Tuan Hj. Ab. Rashid Bin Ab. Rahman  
(Bilal Satu)

### PENGARANG

Ustaz Hasbulah Bin Selah @ Salim  
(Imam Satu)

### SIDANG PENGARANG

Ustaz Mohd. Amirudin Bin Ahmad  
(Imam Dua)

Tuan Haji Yaacob Bin Abdul Majid  
(Imam Rawatib)

Pn. Mahaniza Binti Mahat  
(Pembantu Tadbir)

Ustaz Mohd Aidiel Bin Jaapar  
(Noja)

Tuan Hj. Borhan Benjamin Bin Abdullah  
(Penyambut Tetamu)

## JADUAL KELAS PENGAJIAN MASJID AL-AZIM MELAKA

HARI/MASA	SUBUH	ZOHOR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
ISNIN		2.30 Ptg. Kelas Asas Al-Quran Kanak-Kanak	5.00 Ptg. Al-Quran Wanita Tn. Hj. Ab. Rashid b. Ab. Rahman	7.30 Mlm. Tn. Hj. Zakaria b. Lemat (Mustika Hadis)	
SELASA		2.30 Ptg. Kelas Asas Al-Quran Kanak-Kanak	5.00 Ptg. Al-Quran Wanita Tn. Hj. Ab. Rashid b. Ab. Rahman	7.30 Mlm. Fekah Datuk Wira Hj. Rashid Redza b. Md. Salleh	Pengajian Asas Taranum Tn. Hj. Ramli b. Dollah
RABU		2.30 Ptg. Kelas Asas Al-Quran Kanak-Kanak		7.30 Mlm. Fekah/Sirah Tn. Hj. Ali Umar	
KHAMIS		2.30 Ptg. Kelas Asas Al-Quran Kanak-Kanak		7.30 Mlm. Majlis Bacaan Yasin & Tahlil	
JUMAAT		2.30 Ptg. Fardu Ain Ust. Halimah		7.30 Mlm. Tauhid/Al-Quran Tuan Hj. Mohammad b. Hashim	Kelas Berzanji Tn. Hj. Abdul Latip b. Joned
SABTU	6.00 Pg. Kuliah Subuh Tn. Hj. Abd. Rahim b. Khalik  8.00 Pg. Kelas Pengajian Tahfiz Kanak-kanak  8.30 pg. - 12.30 Tgh. Kelas Pengajian Dewasa Persijilan	2.00 Ptg. Kelas Pengajian Tahfiz Kanak-kanak		7.30 Mlm. Hadis Tn. Hj. Ibrahim b. Abdul Hamid	Kelas Bahasa Arab Ust. Fazly b. Hj. Yaacob
AHAD	6.00 Pg. Kuliah Subuh Ustaz Shukeri Najib b. Ab. Rahim  8.00 Pg. Kelas Pengajian Tahfiz Kanak-kanak  10.00 Pg. Tafsir Datuk Hj. Idris Al-Hafiz  8.30 Pg. - 12.30 Tgh. Kelas Pengajian Dewasa Persijilan	2.00 Ptg. Kelas Pengajian Tahfiz Kanak-kanak		7.30 Mlm. Tafsir Tn. Hj. Abd. Rahim b. Chalik	

<< < sambungan dari m/s 3

bunuh. Oleh sebab itu, tentera Bani Israel pulang dengan membawa kekalahan. Mereka mencari pengganti Thalut. Setelah bermesyuarat, mereka bersepakat untuk memberikan kekuasaan dan kepimpinan kepada Daud. Bagi Bani Israel, Daud telah banyak memenangkan peperangan sehingga dia patut menerima jawatan itu. Itu semua tidak lepas dari rahmat dan anugerah Allah S.W.T.

### 6. Nabi Sulaiman al-Hakim (Bijaksana)

Nabi Daud menjadi raja. Di tangannya segala hukum dan keputusan diputuskan olehnya. Itu merupakan anugerah dan kenikmatan yang diberikan Allah S.W.T. Pada waktu itu, anaknya, Sulaiman sudah mencapai umur dua puluhan. Ada dua orang lelaki yang sedang bersengketa memasuki rumah Nabi Daud dan minta di putuskan secara adil oleh Nabi Daud.

Salah seorang dari orang itu berkata: "Aku mempunyai kebun anggur yang dimasuki dan dirosakkan tanamannya oleh kambing-kambing milik lelaki ini. Bagaimana menurut kamu?"

Nabi Daud menjawab: "Aku putuskan kambing-kambing milik lelaki ini menjadi milik kamu sebagai ganti

atas kerosakan yang menimpa kebun kamu."

Nabi Sulaiman yang masih muda itu berkata: "Ayah, bolehkah aku memberi pendapat?" 'Boleh' kata Nabi Daud. Aku berpendapat pemilik kebun anggur mengambil manfaat kambing-kambing milik temannya itu sampai kebun anggurnya menjadi baik seperti semula.

Setelah itu kedua-duanya saling mengambil haknya kembali. Mendengar pendapat anaknya itu, Nabi Daud berasa senang. Nabi Daud berkata: "Benar, anakku. Engkau adalah Sulaiman al-Hakim (yang bijaksana)."

### 7. Daud Wafat

Nabi Daud sudah tua. Pada akhirnya, ajal menjemputnya. Maka, Sulaiman mewarisi kenabian, hukum dan hikmah (kebijaksanaan).

*Bersambung di minggu hadapan*

Pungutan Tabung Derma Masjid Al-Azim

**23.1.2009 - RM 2,815.76**

**PERINGATAN :**  
SILA LETAKKAN RISALAH INI DI TEMPAT YANG SESUAI

Diterbitkan oleh : Masjid Al-Azim Negeri Melaka.  
Rekabentuk berkomputer dan dicetak oleh : Percetakan Surya Sdn. Bhd.